



UNDANG-UNDANG ANTITRUST DAN PERSAINGAN DASAR DAN PROSEDUR

Operasi perniagaan dan lain-lain aktiviti Syarikat ini adalah tertakluk kepada beberapa keperluan undang-undang dan peraturan. Adalah menjadi dasar utama Syarikat mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat dan semua negara dan bidang kuasa lain di mana Syarikat menjalankan aktivitinya, serta piawai kelakuan perniagaan beretika yang tinggi, pada setiap masa dalam menjalankan semua aktiviti perniagaan dan lain-lain aktivitinya. Dasar dan prosedur yang dibentangkan di bawah adalah bertujuan menjadi panduan membantu pelaksanaan dasar utama ini berhubung dengan undang-undang antitrust dan persaingan. Namun, tujuannya bukan hanya menyatakan semula dasar undang-undang atau peraturan yang dikenakan ke atas aktiviti Syarikat, yang mungkin adalah kompleks dan kelayakannya tertakluk kepada bermacam kekecualian, penghalusan dan nuansa. Dan dalam bahagian tertentu Syarikat telah, atas sebab-sebab perniagaan dan/atau pengawal aturan, mengguna pakai dasar dan prosedur yang mungkin mengenakan syarat yang melebihi apa yang dimandatkan oleh undang-undang atau peraturan yang berkenaan.

Pengenalan. Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (dan negara anggota individunya), Kanada, Australia, China dan banyak negara dan bidang kuasa lain di mana Syarikat ini berniaga telah menubuhkan undang-undang antitrust atau persaingan yang mempercayai bahawa pasaran berciri persaingan bebas dan cergas adalah paling baik untuk kepentingan pengguna dan perniagaan. Sungguhpun Syarikat ini percaya akan persaingan cergas dalam berbagai-bagai perniagaan di mana ia aktif, adalah menjadi dasarnya untuk bersaing secara sah, saksama dan beretika dan mematuhi sepenuhnya segala undang-undang antitrust dan persaingan yang dikenakan.

Berikut ini adalah perkara paling penting dalam dasar kepatuhan Syarikat terhadap undang-undang antitrust dan persaingan:

- Anda tidak sekali-kali harus bersetuju, secara rasmi atau tidak rasmi, dengan pesaing untuk
 - menetapkan harga;
 - melaksanakan surcaj baru atau yang sudah ada, melulus atau menokok surcaj, atau menetapkan surcaj di tahap harga tertentu atau menurut skala atau formula penentuan harga yang tertentu;
 - membahagi-bahagikan perniagaan atau pasaran; atau
 - enggan berniaga dengan, atau menawarkan kredit kepada, mana-mana pihak ketiga.



- Maklumat penentuan harga, surcaj dan lain-lain hal persaingan penting tentang pesaing hendaklah didapati daripada sumber awam dan tidak melalui perbincangan atau komunikasi lain dengan pesaing. Anda tidak harus mendedahkan penentuan harga Syarikat atau maklumat persaingan sensitif lain kepada pesaing baik secara langsung atau mengguna pelanggan atau pihak ketiga lain untuk menghantarkan maklumat demikian kepada pesaing,
- Jika pesaing mula membincang perkara ini, nyatakan dengan jelas dan baik tetapi tegas bahawa Syarikat ini menentukan perkara ini secara bebas dan dasarnya ialah tidak membincangnya hal seperti ini di luar Syarikat.
- Sebelum menyertai persatuan perdagangan atau industri, minta kebenaran Jabatan Undang-undang dan kaji dasar Syarikat untuk mengetahui cara untuk mengelakkan masalah.
- Laporkan segera kepada Jabatan Undang-undang sebarang perbincangan yang boleh dipersoalkan. Masalah boleh diselesaikan jika dikenal pasti lebih awal.
- Jangan lupa peraturan ini dikenakan pada situasi perniagaan rasmi, semua komunikasi termasuk e-mel, dan pada situasi sosial tidak rasmi di luar pejabat.

Perbincangan yang lebih terperinci tentang perkara ini dan ringkasan jenis kelakuan yang paling menimbulkan persoalan undang-undang antitrust atau persaingan, serta dasar dan prosedur kepatuhan Syarikat bagi bahagian tersebut dibentangkan di bawah ini. Memandangkan ciri analisis undang-undang antitrust/persaingan mengandungi banyak fakta, adalah penting untuk pekerja berunding segera dengan Jabatan Undang-undang tentang sebarang situasi yang mungkin menimbulkan persoalan undang-undang antitrust atau persaingan sebelum mengambil apa-apa tindakan yang mungkin boleh dipersoalkan. Ini termasuk sebarang situasi di mana pekerja percaya bahawa undang-undang persaingan tempatan mungkin mengenakan syarat berlainan atau tambahan. Dalam hal yang pertama, pertanyaan harus ditujukan kepada Pejabat Peguam Besar Daerah yang bertanggungjawab atas perniagaan di mana persoalan tersebut timbul. Pekerja juga boleh meminta nasihat Jabatan Undang-undang Kumpulan.

1. Hubungan dengan Pesaing. Undang-undang antitrust dan persaingan lazimnya melarang persetujuan, persefahaman dan aktiviti bersepadu yang mengawal perdagangan secara tidak wajar. Undang-undang antitrust dan persaingan membuat perbezaan penting antara pengaturan dengan pesaing dan pengaturan dengan pelanggan atau pembekal. Pengaturan membatasi bersama pesaing adalah secara am dilarang.

a. Penetapan Harga dan Pengaturan Pakatan Sulit Lain. Contoh klasik aktiviti bersepadu haram di antara pesaing ialah perjanjian rasmi atau tidak rasmi untuk "menetapkan" atau "menstabilkan" harga. Pengaturan menetapkan harga haram bukan hanya boleh



melibatkan harga sebenar Syarikat dan pesaing menjual produk atau perkhidmatan mereka, tetapi sebarang terma atau syarat jualan yang menjejaskan harga, seperti diskaun, syarat kredit, pemasaan atau pengumuman pertukaran penentuan harga, penggunaan formula penentuan harga, dan perkara lain yang serupa. Tambahan pula, penetapan harga haram boleh melibatkan lebih daripada penetapan harga dolar atau julat harga tertentu. Sebarang persetujuan di antara pesaing yang menjejaskan harga secara langsung atau tidak langsung, sama ada lebih tinggi atau lebih rendah, mungkin dilarang. Selain daripada persetujuan penetapan harga, persetujuan atau persefahaman rasmi atau tidak rasmi di antara pesaing untuk (i) membahagi-bahagikan pasaran, pelanggan, atau bidang perniagaan, (ii) menetapkan atau menghadkan tahap kemampuan, (iii) memiawakan produk atau perkhidmatan, (iv) mengkoordinasi pembidaan, atau (v) memboikot atau enggan berniaga dengan pembekal atau pelanggan tertentu, juga secara am dilarang di bawah undang-undang antitrust dan persaingan.

Adalah menjadi dasar Syarikat keputusan perniagaan — termasuk menentukan harga, dasar penentuan harga, terma dan syarat jualan produk dan perkhidmatan Syarikat, pasaran atau bidang perniagaan di mana Syarikat bersaing dan pelanggan dan pembekal yang Syarikat berniaga — dibuat berlandaskan kebebasan, mengambil kira semua faktor yang berkaitan, termasuk objektif kos dan keuntungan Syarikat, harga persaingan dan faktor dan maklumat berkaitan lain. Oleh itu, pekerja dilarang menyertai sebarang jenis persetujuan, sepakatan atau pengaturan dengan pesaing berkaitan dengan harga, dasar penentuan harga, terma atau lain-lain syarat jualan atau pembelian, pasaran atau jenis perniagaan yang akan bersaing dengan Syarikat, pelanggan dan pembekal yang akan berniaga dengan Syarikat atau lain-lain hal persaingan penting. Adalah menjadi dasar Syarikat ini tidak mempelawa pesaing menyertai dalam aktiviti pakatan sulit, dan untuk menolak dengan jelas dan tanpa syarat sebarang pelawaan demikian yang diterima oleh Syarikat daripada orang lain. Mana-mana pekerja yang menerima pelawaan atau cadangan daripada pesaing untuk menyertai dalam pengaturan pakatan sulit hendaklah menyatakan dengan baik tetapi tegas bahawa melibatkan diri dalam aktiviti demikian atau membincang hal demikian dengan pesaing adalah melanggar dasar Syarikat, serta-merta menamatkan perbincangan tersebut dan melaporkan hal itu kepada Jabatan Undang-undang.

Contoh jenis kelakuan atau aktiviti yang harus dielakkan termasuk bersetuju dengan satu atau lebih pesaing bahawa:

- satu surcay baru atau lain-lain caj tambahan harus dilaksanakan atau cara menangani caj yang sudah wujud harus ditukar;
- satu surcay baru atau yang sudah ada atau lain-lain caj tambahan harus ditangani atas dasar melulus atau menokok; atau
- satu surcay tertentu atau caj tambahan lain harus ditetapkan pada tahap harga tertentu menurut skala atau formula penentuan harga tertentu.



Pekerja harus sedar bahawa bukan persetujuan rasmi dan nyata sahaja yang dilarang. Sebarang persetujuan tidak rasmi atau “janji mulut,” atau sepakatan tanpa kata-kata atau yang tidak langsung lain berkaitan dengan harga, atau lain-lain hal persaingan penting, adalah juga dilarang. Berkaitan dengan ini, pengawal atur atau juri tidak memerlukan bukti persetujuan haram yang nyata atau bertulis untuk mendapati pelanggaran undang-undang antitrust atau persaingan. Pengaturan haram boleh dibuat inferens dari bukti keterangan ikut keadaan. Misalnya, perbualan biasa di antara pesaing tentang tahap kadar asas atau jumlah, pemasaan atau cara wajar menangani (contohnya., melulus, menokok) satu atau lebih surcaj atau lain-lain caj tambahan dalam kumpulan perdagangan industri atau majlis, di tempat-tempat lain atau melalui e-mel, bersama bukti aktiviti selari pesaing selepas itu, boleh ditakrifkan atas dasar selepas kenyataan sebagai pelanggaran undang-undang antitrust atau persaingan. Begitu juga, persetujuan, sepakatan atau pengaturan tidak wajar tidak perlu dimulakan secara langsung di antara pesaing. Persetujuan demikian juga boleh timbul dari komunikasi melalui pengantara seperti pelanggan, pembekal, subkontraktor atau pihak pengantara lain. Oleh itu, maklumat persaingan sensitif tidak harus dikongsi dengan pihak ketiga sebagai cara menyampaikan maklumat jenis ini kepada pesaing. Maklumat demikian juga tidak harus didapati daripada pihak ketiga yang diguna sebagai conduit untuk berkongsi maklumat di antara pesaing.

Seperti yang dilihat dari contoh di atas, komunikasi dengan pesaing tentang hal persaingan penting menimbulkan masalah tertentu kerana ia boleh ditakrif sebagai termasuk dalam persetujuan, sepakatan atau pengaturan haram. Malah, dalam keadaan tertentu, pertukaran maklumat satu hala juga boleh ditakrifkan sebagai tidak wajar di bawah undang-undang antitrust dan persaingan. Oleh itu, pekerja secara am harus mengelak daripada membincang, bertukar atau memberitahu mana-mana pekerja, wakil atau ejen pesaing sebarang maklumat tentang harga, dasar penentuan harga, surcaj atau caj tambahan lain, terma atau syarat jualan atau lain-lain hal persaingan penting kepunyaan Syarikat atau pesaing baik untuk masa lepas, masa sekarang atau masa depan. Pekerja umumnya tidak dibenarkan memberi maklumat demikian kepada, atau meminta maklumat demikian daripada, pesaing. Pekerja juga tidak dibenarkan cuba memintasi peraturan komunikasi larangan ini dengan menggunakan orang lain, seperti ejen atau pihak ketiga lain, untuk memperoleh maklumat yang pekerja dilarang daripada mendapat secara langsung.

Meskipun harga pesaing boleh dipertimbang semasa membuat penentuan harga atau keputusan perniagaan lain, maklumat harga pesaing harus secara am didapati hanya daripada senarai tersiar, sumber awam lain (seperti jurnal perdagangan, laman web syarikat, penerbitan penyelidikan pasaran) atau daripada pelanggan yang telah diberikan sebut harga yang meminta Syarikat ini menawarkan harga atau caj tertentu yang setanding — dan tidak daripada pesaing, walaupun sebagai pengesahan tawaran atau harga yang pelanggan menuntut dia telah terima. Adalah juga baik mendokumentasikan sumber sah maklumat pesaing tersebut supaya tiada kekeliruan tentang sumber nanti. Misalnya, jika pelanggan memberi penentuan harga pesaing untuk mendorong Syarikat menawarkan harga yang sama atau lebih yang rendah, catatkan di dokumen tersebut tarikh dan sumber maklumat itu.



Pekerja tentu sekali akan bertemu dengan pesaing Syarikat di majlis perniagaan dan sosial, dan dasar dan prosedur di atas bukan bertujuan menghalang pertemuan demikian. Namun, pekerja yang mendapati diri mereka terpaut dalam perbincangan tentang perkara yang dilarang atau yang menimbulkan persoalan undang-undang antitrust atau persaingan hendaklah segera menyatakan bantahan mereka dan tamatkan perbincangan tersebut. Dalam situasi dengan kumpulan, penarikan diri dari kumpulan mungkin diperlukan jika perbincangan tidak wajar atau boleh dipersoalkan itu diteruskan. Walaupun selepas menyatakan bantahan (dengan memberitahu secara jelas bahawa Syarikat kita tidak melibatkan diri dalam aktiviti demikian), kegagalan pekerja untuk menarik diri daripada kumpulan jika perbincangan tidak wajar masih diteruskan boleh ditafsirkan sebagai persetujuan tanpa kata-kata. Dalam situasi di mana rekod disimpan — misalnya, perjumpaan persatuan perdagangan — pekerja harus minta bantahannya (dan, jika perlu, peninggalan dari perjumpaan) dicatatkan dan diberikan salinan rekod tersebut. Sebarang kejadian demikian hendaklah dilaporkan segera kepada Jabatan Undang-undang.

Amat penting sekali untuk mengelakkan daripada sebarang kelakuan yang boleh menjadi atau ditafsirkan atas dasar selepas kenyataan sebagai bukti persetujuan, sepakatan atau pengaturan untuk menetapkan harga atau melibatkan diri dalam lain-lain aktiviti yang dilarang oleh undang-undang antitrust atau persaingan. Adalah juga penting apabila menulis e-mel dan dokumen lain untuk mengelak daripada penggunaan bahasa yang tidak tepat, berlebih-lebihan atau gaya bahasa yang boleh disalah tafsirkan sebagai mencadangkan persetujuan sedemikian dengan satu pesaing atau lebih, sedangkan persetujuan demikian sebenarnya tidak berlaku. Misalnya, jangan menulis yang industri atau pesaing bersetuju dengan amalan tertentu padahal kenyataan sebenar ialah syarikat, tanpa berbincang di antara mereka, telah dengan secara bebas mengikuti amalan yang sama.

b. Transaksi *Bona Fide* dengan Pesaing. Satu kekecualian kepada dasar Syarikat tentang komunikasi hal bersaing penting dengan pesaing ialah bagi situasi di mana Syarikat memulakan jualan *bona fide* atau transaksi perniagaan lain dengan pesaing. Dalam situasi demikian penentuan harga dan maklumat berkaitan yang relevan tentu sekali perlu dibincangkan untuk menyempurnakan transaksi tersebut. Namun, kekecualian ini harus ditangani secara terhad, dan tidak boleh diguna sebagai peluang untuk terlibat dalam komunikasi yang dilarang atau untuk melemahkan dasar undang-undang antitrust dan persaingan Syarikat. Untuk memastikan garis panduan berkaitan dengan komunikasi dengan pesaing yang sesuai dipatuhi, pekerja yang mungkin akan terlibat dalam komunikasi dengan pesaing hendaklah berunding dahulu dengan penyelia langsung mereka dan, jika perlu, dengan Jabatan Undang-undang terlebih dahulu jika mempunyai pertanyaan tentang piawai yang dikenakan atau kelakuan wajar.

Satu lagi kekecualian ialah untuk transaksi usaha sama yang *bona fide*. Usaha sama semakin lazim dalam beberapa industri dan boleh memenuhi tujuan pro-bersaing yang sah. Tetapi, oleh kerana usaha sama melibatkan aktiviti bersepadu di antara pesaing, Syarikat harus berunding dahulu dengan Jabatan Undang-undang sebelum memulakan sebarang pengaturan yang dari sudut pandangan undang-undang antitrust atau persaingan belum ladi diluluskan.



c. Persatuan Perdagangan dan Industri. Persatuan perdagangan dan lain-lain kumpulan industri boleh memenuhi tujuan yang sah. Tetapi, keanggotaan dan penyertaan Syarikat dalam persatuan perdagangan (atau lain-lain kumpulan industri) boleh menimbulkan persoalan tertentu kerana ia melibatkan mesyuarat dan lain-lain aktiviti kumpulan di antara pesaing. Pekerja tidak dibenarkan bergabung atau menyertai aktiviti persatuan perdagangan (atau lain-lain kumpulan industri) di mana pesaing adalah anggota atau terlibat kecuali selepas berunding dengan Jabatan Undang-undang. Setakat mana pekerja sudah menjadi anggota atau menyertai sebarang persatuan, kumpulan atau majlis demikian, senarai semasa harus segera diberikan kepada Jabatan Undang-undang.

Pekerja yang menyertai persatuan perdagangan atau aktiviti yang serupa (atau, sebarang perjumpaan luar atau sosial lain yang melibatkan pesaing) harus peka terhadap, dan mengelak daripada terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbincangan yang boleh ditakrifkan sebagai tindakan bersepadu tidak wajar antara pesaing.

Persatuan perdagangan dan industri bukanlah tempat yang wajar untuk membincang harga, surcuj atau caj tambahan lain, atau terma dan syarat jualan atau lain-lain hal persaingan penting. Ini bukan sahaja bagi bahagian rasmi majlis persatuan perdagangan atau industri, tetapi juga bagi sesi tidak rasmi (yang secara am harus dielak) dan perbualan biasa. Syarikat yang menetapkan dasar isu seperti jumlah surcuj dan jika jumlah ini diberi kepada pelanggan secara keseluruhan, bahagian demi bahagian atau dengan tokokan sehalu, dan ia tidak menyertai dalam mana-mana usaha, rasmi atau tidak rasmi, untuk mencapai kesepakatan dalam hal demikian.

Contoh aktiviti persatuan perdagangan yang mungkin sah, tetapi boleh menimbulkan persoalan undang-undang antitrust atau persaingan dalam situasi-situasi tertentu, termasuk:

- pemecatan atau penyisihan anggota sebenar atau potensi (kerana dalam keadaan tertentu tindakan demikian boleh ditakrif sebagai boikot kumpulan yang tidak wajar);
- aktiviti penetapan "piawai industri" (kerana dalam keadaan tertentu tindakan demikian boleh diguna secara tidak sah untuk menyisihkan persaingan);
- pengumpulan, penyebaran dan/atau pertukaran data industri atau maklumat persaingan penting lain (kerana pertukaran demikian dalam keadaan tertentu boleh dilihat sebagai termasuk dalam langkah pengaturan penetapan harga atau untuk menstabilkan atau menaikkan harga), kecuali jika maklumat tersebut dikumpulkan sehingga tiada maklumat sulit (sekali pun yang berpengertian luas) boleh didapati daripadanya tentang syarikat-syarikat tertentu;



- mengemukakan pandangan “industri” kepada badan perundangan atau kepada agensi kerajaan atau pengawal aturan (kerana aktiviti demikian boleh diguna sebagai samaran dalam usaha menyingkir pesaing).

Pekerja tidak dibenarkan menyertai dalam aktiviti ini atau sebarang persatuan perdagangan (atau lain-lain kumpulan industri) yang boleh menimbulkan persoalan undang-undang antitrust atau persaingan tanpa berunding terlebih dahulu dengan Jabatan Undang-undang. Pekerja tidak harus menganggap bahawa aktiviti persatuan perdagangan (atau lain-lain kumpulan industri) dibenarkan di bawah undang-undang antitrust atau persaingan semata-mata atas kehadiran peguam di mesyuarat atau lain-lain perjumpaan. Selain itu, persatuan perdagangan (atau lain-lain kumpulan industri) secara am tidak merupakan forum yang sesuai untuk menimbulkan rungutan tentang pesaing, dan nasihat tentang cara sesuai menangani rungutan demikian harus didapati daripada Jabatan Undang-undang.

Untuk memastikan aktiviti persatuan perdagangan dan industri yang pekerja ingin hadiri dijalankan sejajar dengan undang-undang antitrust dan persaingan, anda dikehendaki mengambil langkah berikut berkaitan dengan perjumpaan sedemikian:

- Umumnya, persatuan perdagangan atau industri yang pekerja melibatkan diri hendaklah mempunyai program undang-undang antitrust atau persaingan yang betul;
- Umumnya, dapatkan agenda mesyuarat (terlebih dahulu jika ada), pastikan agenda tersebut lengkap dan tidak mengandungi perkara yang mungkin membawa kepada perbincangan anti bersaing, dan bincangkan dengan Jabatan Undang-undang (terlebih dahulu jika ada) sebarang persoalan yang mungkin timbul tentang kesesuaian topik agenda;
- Ambil dan simpan catatan tepat tentang perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat dan berikan salinan kepada Jabatan Undang-undang selepas kembali dari perjumpaan;
- Berhati-hati semasa berbincang dengan pesaing sebelum atau selepas mesyuarat rasmi persatuan perdagangan atau semasa berhenti rehat; dan
- Aturkan untuk mendapat sebarang minit yang diambil tepat pada masa, dan berikannya kepada Jabatan Undang-undang.

Pekerja harus sedar bahawa dalam keadaan tertentu kelakuan tidak wajar sebahagian anggota persatuan perdagangan (atau lain-lain kumpulan industri) boleh dianggap sebagai dilakukan juga oleh anggota lain jika mereka mengetahui tentangnya, sekalipun mereka tidak mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Oleh itu, pekerja harus terutama sekali berhati-hati apabila menyertai aktiviti persatuan perdagangan dan industri lain. Pekerja yang



mendapati diri mereka terpaut ke dalam perbincangan atau aktiviti yang dilarang atau boleh dipersoalkan harus mengikuti prosedur yang digariskan di atas untuk menamatkan/mengundurkan diri daripada perbincangan atau aktiviti tersebut, termasuk memberitahu Jabatan Undang-undang demi memastikan tindakan seterusnya tidak diperlukan untuk menyokong penamatan atau pengunduran diri tersebut.

2. Hubungan dengan Pelanggan dan Pembekal.

Secara Am. Umumnya, Syarikat adalah bebas untuk berniaga atau tidak berniaga dengan sesiapa sahaja, dan bebas memilih pelanggan dan pembekalnya. Keputusan demikian hendaklah dibuat secara bebas, dan bukan hasil daripada sebarang persetujuan atau sepakatan untuk tidak berniaga dengan pelanggan atau pembekal tertentu bersama pesaing, atau bersama pelanggan atau pembekal yang bersaing.

Keengganan berniaga dengan potensi pelanggan dan pembekal, dan penamatan hubungan perniagaan dengan pelanggan dan pembekal yang ada, mungkin menimbulkan persoalan undang-undang atau persaingan. Seperti keputusan perniagaan lain, dasar Syarikat ialah untuk bebas membuat keputusan tentang hubungan perniagaannya dengan pembekal atau pelanggan. Oleh itu, pekerja harus berhati-hati untuk mengelak daripada memberi tanggapan bahawa keengganan, atau penamatan, yang sah Syarikat untuk berniaga dengan pelanggan atau pembekal sebenar atau potensi adalah hasil daripada persetujuan haram dengan pesaing atau pelanggan atau pembekal yang bersaing. Misalnya, pekerja yang menerima aduan daripada satu atau lebih pembekal (atau pelanggan) tentang harga atau aktiviti perniagaan sesuatu pembekal (atau pelanggan) lain harus menjelaskan kepada pengadu tersebut bahawa Syarikat akan mengkaji aduannya dan kemudian akan mengambil atau tidak mengambil tindakan, menurut apa yang pertimbangan perniagaan bebas Syarikat menganggap sesuai.

Pengaturan Khusus yang Mungkin Menimbulkan Persoalan Antitrust. Adalah juga menjadi dasar Syarikat membebaskan pelanggan dan pembekal daripada batasan tidak wajar daripada Syarikat, sama ada yang dipersetujui atau dikenakan, ke atas kebolehan mereka untuk membuat keputusan perniagaan. Meskipun beberapa amalan yang dihuraikan di bawah boleh dibenarkan di bawah keadaan tertentu, jenis pengaturan tersebut dengan pelanggan dan pembekal telah didapati melanggar undang-undang antitrust atau persaingan kerana ia mengenakan batasan tidak munasabah ke atas persaingan dan perdagangan. Oleh itu, pekerja yang mungkin memasuki dalam mana-mana jenis pengaturan yang dihuraikan di bawah, atau mana-mana pengaturan yang mereka fikir mungkin menimbulkan masalah dan persoalan yang sama harus terlebih dahulu berunding dengan Jabatan Undang-undang jika timbul sebarang pertanyaan tentang piawai yang boleh dikenakan atau tindakan yang sesuai.

Pengaturan Berikat. Pengaturan berikat ialah amalan yang menghendaki pelanggan membeli satu produk atau perkhidmatan untuk mendapat satu produk atau perkhidmatan lain yang pelanggan betul-betul mahu. Lazimnya, pelanggan adalah bebas membeli hanya produk dan perkhidmatan yang mereka mahu daripada Syarikat, dan tidak



diperlukan membeli produk dan perkhidmatan yang mereka tidak berminat sebagai syarat membeli apa yang mereka mahu.

Larangan am terhadap pengaturan berikat tidak dikenakan ke atas usaha yang sah untuk menjual beberapa produk atau pelbagai perkhidmatan dalam satu pakej, dengan syarat penjual bersedia untuk menjual setiap produk dan perkhidmatan secara berasingan pada harga yang realistik jika menawarkan produk dan perkhidmatan secara berasingan adalah tersaur dari segi ekonomi. Pengaturan berikat mungkin juga dibenarkan jika impak ke atas persaingan atau perdagangan adalah kecil.

Pengaturan Kesalingan. Pengaturan kesalingan melibat melandaskan tahap perniagaan Syarikat dengan pembekal sebenar atau potensi mengikut tahap langganan produk dan perkhidmatan Syarikat oleh pihak tersebut.

Adalah menjadi dasar Syarikat membuat segala keputusan pembelian berasaskan harga, kualiti, perkhidmatan, keperluan dan lain-lain faktor berkaitan, dan tidak berasaskan tahap perniagaan sesuatu pihak dengan Syarikat. Pekerja harus mengelak daripada komunikasi yang mungkin ditafsirkan sebagai mencadangkan yang pembelian Syarikat daripada pembekal yang sebenar atau potensi mungkin dikurangkan jika ia tidak membeli produk atau perkhidmatan Syarikat.

Pengaturan Urus Niaga Eksklusif. Pengaturan urus niaga eksklusif melibatkan amalan membatasi kebolehan pelanggan atau pembekal untuk berniaga dengan pesaing dan dengan produk atau perkhidmatan yang bersaing, atau untuk berniaga dalam bahagian tertentu. Syarat kontrak ialah sejenis pengaturan urus niaga eksklusif di mana pelanggan atau pembekal membuat komitmen untuk membeli atau menjual semua atau sebahagian besar daripada keperluannya atau pengeluarannya daripada atau kepada suatu pihak lain. Pengaturan ini boleh menimbulkan persoalan undang-undang antitrust atau persaingan dan pekerja yang meneruskan pengaturan jenis ini harus berunding dengan Jabatan Undang-undang jika terdapat persoalan tentang piawai yang boleh dikenakan atau langkah tindakan yang sesuai.

3. Aktiviti Sehala. Selain daripada mengharamkan tindakan bersepadu tertentu di antara pesaing, undang-undang antitrust dan persaingan melarang tindakan suatu syarikat yang dianggap sebagai pemonopolian atau percubaan untuk memonopoli. Pemonopolian ialah pencapaian atau pengekaluan kuasa pasaran — yakni, kebolehan suatu syarikat mengawal harga atau menyisihkan pesaing sebenar atau potensi secara sehala — berhubung dengan pasaran produk atau perkhidmatan tertentu. Pemilikan kedudukan pasaran yang dominan atau kuasa pasaran yang besar bukan dengan sendirinya salah di segi undang-undang antitrust. Sebuah syarikat mungkin mencapai kedudukan bahagian pasaran yang besar atau dominan hasil daripada perniagaan atau kemahiran bersaing yang sah atau secara kebetulan kerana sejarah.

Tetapi undang-undang antitrust dan persaingan, amnya, melarang penggunaan tidak adil kuasa pasaran untuk menyingkir atau memudaratkan pesaing. Undang-undang



antitrust dan persaingan juga melarang percubaan mengumpul secara tidak adil kedudukan dominan dalam satu pasaran ke dalam satu pasaran lain. Satu contoh biasa amalan yang boleh dipersoalkan berkaitan ini dikenali sebagai “penentuan harga pemangsa,” iaitu amalan menentukan harga di bawah ukuran kos yang wajar (biasanya untuk tempoh yang lama) untuk tujuan menyingkirkan pesaing dalam jangka masa pendek dan dengan itu mengurangkan persaingan dalam jangka masa panjang. Walaupun terdapat ramai pesaing dalam perniagaan-perniagaan Syarikat, undang-undang antitrust dan persaingan tentang amalan-amalan ini adalah ketat. Oleh itu, pekerja tidak dibenarkan terlibat dalam amalan penentuan harga pemangsa demikian atau meneruskan amalan, strategi atau taktik yang mungkin ditafsirkan sebagai bertujuan untuk memudaratkan atau menyisihkan secara tidak wajar persaingan atau pesaing, dan hendaklah berunding dengan Jabatan Undang-undang sebelum melaksanakan sebarang amalan, strategi atau taktik demikian.

4. Persaingan Tak Saksama Undang-undang di banyak negara di mana Syarikat berniaga juga melarang kaedah persaingan yang tak saksama dan tindakan dan amalan yang tidak saksama dan mengelirukan. Undang-undang ini adalah bertujuan melindungi pesaing dan pelanggan. Dalam kebanyakan hal, undang-undang ini melarang jenis kelakuan yang sama dengan undang-undang antitrust. Undang-undang persaingan tak saksama persekutuan dan negeri juga melarang kelakuan lain yang mungkin dianggap tak saksama atau mengelirukan yang mungkin tidak dilarang oleh undang-undang antitrust.

Meskipun mustahil untuk menyenaraikan semua jenis kelakuan berlainan yang didapati tidak sah di bawah undang-undang “persaingan tak saksama” dalam keadaan tertentu, beberapa contoh termasuk: (i) rasuah atau sogokan perdagangan untuk mengaruh perniagaan atau kemungkiran kontrak oleh orang lain; (ii) mendapat rahsia perdagangan pesaing melalui rasuah atau pencurian; (iii) membuat tuntutan atau perbandingan palsu, mengelirukan atau yang mengecilkan pesaing atau produk mereka; (iv) menyalah labelkan produk; dan (v) membuat tuntutan afirmatif tentang produk sendiri tanpa asas munasabah. Pekerja harus mengelak semua ini dan sebarang amalan perniagaan tidak beretika, tak saksama atau mengelirukan lain.

Terutama sekali, semua kenyataan awam oleh atau bagi pihak Syarikat, termasuk yang berkaitan dengan pengiklanan, bahan promosi, perwakilan jualan, waranti dan jaminan, harus sentiasa benar dan berlandaskan kenyataan munasabah, dan tidak harus menipu atau sengaja dibuat untuk mudah disalahtafsirkan. Semua pekerja tidak dibenarkan mencipta, meluluskan atau menyebarkan sebarang bahan iklan atau bahan lain bagi produk atau perkhidmatan Syarikat yang palsu, menipu atau mengelirukan atau tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

6. Pelaporan. Pekerja yang mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan penerapan undang-undang antitrust atau persaingan terhadap perniagaan atau lain-lain aktiviti Syarikat hendaklah berunding dengan Jabatan Undang-undang sebelum mengambil apa-



apa tindakan yang mungkin ada persoalan. Selain itu, pekerja yang menyedari tentang sebarang kelakuan yang kelihatan melanggar undang-undang antitrust atau persaingan, atau dasar dan prosedur Syarikat dalam bahagian tersebut, hendaklah membawa hal itu dengan segera kepada perhatian Jabatan Undang-undang. Pekerja juga boleh melaporkan hal demikian mengikut prosedur melapor yang dibentangkan dalam Tatakelakuan Perniagaan CEVA.

Pekerja yang mempercayai bahawa Syarikat dijejaskan oleh potensi pelanggaran undang-undang antitrust atau persaingan harus melaporkan hal tersebut dengan segera kepada Jabatan Undang-undang. Pekerja tidak harus mengambil sendiri langkah pembalasan, kerana tindakan demikian juga boleh menjadi pelanggaran undang-undang antitrust atau persaingan.

Lembaga Eksekutif CEVA
8 November, 2007